

Kanak-kanak maut didera

KUALA LUMPUR - Polis memohon kerjasama dan bantuan waris atau ahli keluarga kepada mayat seorang budak yang dipercayai didera tampil membantu siasatan.

Kanak-kanak lelaki berusia dalam lingkungan tujuh hingga 10 tahun itu meninggal dunia dipercayai akibat didera selepas dihantar oleh seorang wanita ke Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 28 Julai lalu.

Ketua Jabatan Siasatan jenayah Kuala Lumpur, Datuk Ku Chin Wah berkata, wanita berkenaan bersama seorang lagi wanita dan lelaki menaiki sebuah kereta jenis Proton Iswara dipercayai menghantar budak terbabit ke hospital berkenaan pada jam 8.15 pagi.



Chin Wah (kiri) menunjukkan gambar kanak-kanak yang mati dipercayai didera.

“Wanita itu memberitahu kepada petugas hospital bahawa anaknya sakit, kemudian melarikan diri,” katanya.

Menurutnya, hasil bedah siasat mendapati kanak-kanak itu meninggal dunia aki-

bat didera kerana terdapat kesan lebam di badan mangsa,” katanya.

Beliau berkata, siasatan lanjut masih dijalankan untuk mengenal pasti ibu bapa atau keluarga terdekat mangsa.